
PEKELILING PENGURUSAN BIL. 13 TAHUN 2024

**KOD ETIKA
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

TUJUAN

Pekeliling Pengurusan Bil 13. Tahun 2024 ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 2 Tahun 2024 bertarikh 24 Mac 2024 yang meluluskan Kod Etika Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

LATAR BELAKANG

Kod Etika ini diwujudkan bertujuan untuk menjadi rujukan utama bagi setiap warga Universiti yang merangkumi staf dan pelajar dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing berasaskan kepada keperibadian dan jati diri yang berkualiti tinggi.

UTHM telah menerbitkan buku Kod Etika Universiti Tun Hussein Onn Malaysia pada tahun 2008. Dengan mengambil kira perubahan yang berlaku di Universiti, Kod Etika ini disemak semula agar selari dan relevan dengan Pelan Strategik 2021-2025 UTHM, undang-undang, peraturan, pekeliling, dasar dan garis panduan yang sedang berkuat kuasa.

Seterusnya pada tahun 2013 dan 2020, UTHM telah mengeluarkan Etika Berpakaian dan Sahsiah Rupadiri Pelajar serta Kod Etika Berpakaian dan Penampilan Staf. Bagi memudahkan rujukan kepada setiap warga UTHM, etika-etika ini digabungkan dengan ketetapan terkini tentang tatacara berpakaian dan penampilan sebagai penjawat awam dan pelajar, serta didokong oleh Nilai Bersama UTHM.

PELAKSANAAN

Pelaksanaan Kod Etika Universiti Tun Hussein Onn Malaysia adalah seperti di **Lampiran**.

TARIKH KUAT KUASA


Pelaksanaan Kod Etika ini adalah berkuatkuasa mulai tarikh ianya diluluskan.

Sekian untuk makluman dan perhatian Yang Berhormat Prof. Dato' / YBhg. Prof. / Tuan / Puan.

Terima kasih.

**"DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA"
"MALAYSIA MADANI"**

Yang benar,



NAIM BIN MASLAN
Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi
☎ : 07-4537100

NM/HHH/nfana/28082024/PekelilingAm UTHM

KOD ETIKA



UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

PERPUSTAKAAN
TUNKU TUN AMINAH



KOD ETIKA

UNIVERSITI
TUN HUSSEIN ONN
MALAYSIA

Kata Aluan Naib Canselor Pendahuluan Pengenalan

i ii iii

BAHAGIAN 1 : NILAI DAN AMALAN UTHM

1.0	Visi, Misi, Halatuju, Objektif Universiti, Falsafah Pendidikan UTHM	2
2.0	Moto UTHM	3
3.0	Nilai Bersama UTHM	3
4.0	Nilai dan Amalan	4-5
5.0	Tanggungjawab Warga	5
6.0	Ikrar Warga	6
7.0	Pematuhan Terhadap Peraturan	6
8.0	Risiko ketidakpatuhan	7

BAHAGIAN 2 : PANDUAN BERPAKAIAN DAN PENAMPILAN STAF

1.0	Latar Belakang	10
2.0	Etika Berpakaian dan Penampilan Ke Pejabat	11-23
3.0	Etika Berpakaian Ke Majlis DiRaja Johor	24-26
4.0	Penampilan dan Kekemasan	27
5.0	Pakaian Yang Tidak Dibenarkan	27
6.0	Penguatkuasaan	28

BAHAGIAN 3 : ETIKA BERPAKAIAN DAN SAHSIAH RUPADIRI PELAJAR

1.0	Latar Belakang	30
2.0	Peraturan Am	30
3.0	Etika Berpakaian ke Majlis Rasmi atau Urusan Rasmi	31
4.0	Etika Berpakaian Menghadiri Kuliah	31
5.0	Etika Berpakaian Menghadiri Makmal, atau Aktiviti Sukan, atau Aktiviti Kebudayaan atau Aktiviti Pelajar	31
6.0	Etika Berpakaian Khusus Pelajar Lelaki	32
7.0	Etika Berpakaian Khusus Pelajar Perempuan	33
8.0	Penguatkuasaan Peraturan	34
9.0	Tindakan Terhadap Pelanggaran Peraturan	34
	Pemakaian Kod Etika	35
	Penguatkuasaan	35
	Penutup	35
	Penghargaan	36
	Senarai Rujukan	37

Kata Aluan Naib Canselor



Bismillahirrahmanirrahim.
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Setinggi-tinggi tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Pejabat Pendaftar dan semua pihak yang terlibat kerana berjaya menghasilkan buku Kod Etika Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Penerbitan buku ini merupakan satu usaha yang tepat dalam memberikan pemahaman, panduan dan rujukan warga Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) iaitu staf akademik, pentadbiran dan juga pelajar, berkenaan dengan prinsip-prinsip nilai dan etika warga UTHM serta pematuhan kepada peraturan yang berkuat kuasa di UTHM.

Setiap isi kandungan di dalam buku Kod Etika ini digarap dengan teliti dan diterjemahkan secara ringkas, tepat dan mudah, merangkumi setiap aspek yang menggariskan personaliti dan keterampilan diri yang unggul selaras dengan nilai-nilai yang murni. Selain itu, Kod Etika yang diwujudkan ini boleh menjadi panduan berguna kepada semua staf dan pelajar untuk memahami tugas dan tanggungjawab mereka sebagai warga UTHM yang berkualiti.

Saya berharap agar semua warga UTHM dapat membaca, menghayati dan mengamalkan isi kandungan Kod Etika ini, selaras dengan hasrat Universiti kearah GTU2030 dengan membawa nilai kebersamaan serta mempertingkatkan lagi imej dan budaya korporat UTHM. Jadikanlah Kod Etika ini sebagai rujukan utama dalam pembentukan warga UTHM yang berintegriti, cemerlang dan unggul.

Sekian, terima kasih.

PROF. DATO' Ir. Ts. Dr. RUZAIRI BIN ABDUL RAHIM
Naib Canselor
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Pendahuluan

Kod Etika Universiti Tun Hussein Onn Malaysia merupakan rujukan utama bagi setiap WARGA UTHM yang terdiri daripada staf dan juga pelajar, dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing berasaskan kepada keperibadian dan jati diri yang berkualiti tinggi.

Kod etika ini merupakan rujukan supaya WARGA UTHM dapat menghayati serta membudayakan nilai dan etika kerja yang murni dalam membentuk dan melahirkan modal insan negara.

Selain ianya juga merupakan antara usaha untuk melonjakkan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia ke arah memastikan kualiti kerja dan tugas sentiasa pada tahap yang optimum.

Kod Etika ini juga merupakan salah satu asas dalam menjadikan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia sebuah Universiti yang berwibawa dengan perkhidmatan yang penuh beretika.



Pengenalan

UTHM telah menerbitkan buku Kod Etika Universiti Tun Hussein Onn Malaysia pada tahun 2008. Buku ini telah menggariskan 14 etika yang dihasilkan berteraskan kepada Etika Perkhidmatan Awam Malaysia dan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, Etika Jurutera serta peraturan-peraturan tambahan lain.

Merujuk kepada Pelan Strategik UTHM 2021-2025, tiga (3) Nilai Bersama UTHM telah diperkenalkan dan diterapkan iaitu Amanah (A), Profesional (P) dan Inovatif (I). Dengan adanya Nilai Bersama UTHM ini, terdapat keperluan untuk melaksanakan semakan semula Kod Etika Universiti Tun Hussein Onn Malaysia agar Nilai Bersama ini diterapkan secara menyeluruh.

Kod Etika ini merupakan satu garis panduan utama yang disediakan secara umumnya kepada semua warga, dalam melaksanakan tanggungjawab dan amanah yang menggabungkan penghayatan Nilai Bersama UTHM serta tindakan berlandaskan undang-undang, peraturan, pekeliling, dasar dan garis panduan yang sedang berkuat kuasa untuk dipatuhi oleh warga UTHM.

Kod Etika ini merupakan gabungan dua aspek penting yang perlu didokong oleh staf dan pelajar iaitu **Nilai dan Amalan UTHM, Panduan Berpakaian dan Penampilan Staf serta Etika Berpakaian dan Sahsiah Rupadiri Pelajar**, merangkumi amalan-amalan berasaskan Nilai Bersama dan ketetapan terkini tentang tatacara berpakaian dan penampilan sebagai penjawat awam dan juga pelajar, khususnya di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

BAHAGIAN 1

Nilai dan Amalan

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

1.0 |

VISI, MISI, HALA TUJU, OBJEKTIF, FALSAFAH PENDIDIKAN

Visi :

Menjadi Universiti Teknikal Global Dalam Teknologi Lestari Dan Pengangkutan

Misi :

Menyediakan Penyelesaian Teknikal Untuk Keperluan Industri Dan Komuniti Berasaskan Paradigama Tauhid

Hala tuju :

UTHM Sebagai Sebuah Global Technopreneur University 2030

Objektif Universiti

UTHM Edu-Train :

Membangun Graduan kompeten, profesional dan berdaya usahawan

UTHM Prihatin :

Menjalankan tanggungjawab sosial kepada komuniti dan alam sekitar

UTHM Technopreneur :

Menyediakan ekosistem pembangunan teknousahawan

UTHM Governance :

Mengamalkan tadbir urus cekap dan budaya kerja berprestasi tinggi

Falsafah Pendidikan UTHM

Pendidikan dan latihan UTHM berteraskan paradigma tauhid bagi menghasilkan graduan kompeten, profesional dan berdaya keusahawanan dipacu teknologi termaju untuk pembangunan sejagat

2.0 |

MOTO UTHM

DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA

3.0 |

NILAI BERSAMA UTHM

Nilai Bersama UTHM ialah kepercayaan dan tingkah laku bagi membentuk keperibadian yang terserlah melalui sikap, tatakelakuan dan budaya warga UTHM.

Setiap warga UTHM mempunyai nilai bersama UTHM iaitu:

AMANAH

Kita sentiasa amanah dan berintegriti berteraskan paradigma tauhid

PROFESIONAL

Kita bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas secara profesional

INOVATIF

Kita perlu kreatif dan inovatif dengan melakukan penambahbaikan berterusan untuk kecemerlangan institusi

4.0 |

Nilai Dan Amalan

Amanah

Warga UTHM hendaklah sentiasa bertanggungjawab dalam menjalankan tugas dengan berintegriti tinggi, melalui amalan berikut:

Membudayakan Integriti

Setiap WARGA UTHM hendaklah mengamalkan nilai integriti yang tinggi dalam diri dan menzahirkannya dalam tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

Mencegah Penyelewengan

Setiap WARGA UTHM hendaklah mengamalkan sikap jujur, telus dan mempertahankan diri serta mencegah daripada sebarang bentuk penyelewengan.

Mengukuhkan Nilai Kepercayaan

Setiap WARGA UTHM hendaklah saling membina dan menjaga kepercayaan antara satu sama lain, pemegang taruh dan pihak berkepentingan.

Profesional

WARGA UTHM hendaklah mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan keupayaan dalam menjalankan tanggungjawab secara kompeten melalui amalan berikut:

Membudayakan Pembelajaran Sepanjang Hayat

Setiap WARGA UTHM perlu sentiasa meningkatkan kompetensi diri dari segi kerohanian, pengetahuan dan kemahiran selaras dengan perkembangan teknologi.

Memberikan Perkhidmatan Terbaik Kepada Pelanggan

Setiap WARGA UTHM hendaklah memahami keperluan dan kehendak pelanggan, seterusnya menggunakan akal budi dalam memberikan perkhidmatan terbaik.

Mematuhi Peraturan

Setiap WARGA UTHM hendaklah memahami dan mematuhi peraturan dan undang-undang dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab.

Inovatif

Warga UTHM hendaklah sentiasa kreatif dalam melakukan pembaharuan menerusi idea segar yang memberi nilai tambah bagi meningkatkan kualiti diri dan organisasi melalui amalan berikut:

Membudayakan Penambahbaikan Berterusan

Setiap WARGA UTHM hendaklah kreatif, berfikiran di luar kotak dan bersedia untuk melakukan penambahbaikan berterusan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab.

Menyesuaikan Diri Dengan Perubahan

Setiap WARGA UTHM hendaklah bersedia untuk beradaptasi dengan teknologi selari dengan perkembangan semasa.

Mencipta Solusi

Setiap WARGA UTHM hendaklah berusaha mencari pendekatan terbaik dalam menyelesaikan masalah dengan AMANAH dan PROFESIONAL.

5.0 |**Tanggungjawab Warga**

Setiap WARGA UTHM hendaklah sentiasa:

1. Menjunjung nama baik UTHM.
2. Menghayati Misi, Visi, Objektif dan Falsafah Pendidikan UTHM.
3. Mengamalkan Nilai Bersama UTHM.
4. Memastikan persekitaran UTHM yang kondusif dan selamat.
5. Membudayakan sikap hormat-menghormati dan sedia berubah demi kebaikan UTHM.
6. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan bersungguh-sungguh.
7. Menjaga dan menguruskan aset dan fasiliti Universiti dengan teratur.

6.0 |

Ikrar Warga

Kami, **WARGA UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA** berikrar dan berjanji akan melaksanakan tugas dan tanggungjawab kami dengan penuh **AMANAH, PROFESIONAL** dan **INOVATIF** berdasarkan prinsip-prinsip berikut:

Pertama, menjunjung paradigma tauhid dalam kehidupan.

Kedua, melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan amanah dan integriti.

Ketiga, mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran dengan hikmah.

Keempat, kreatif dan inovatif dalam mencipta solusi.

Kelima, bekerjasama secara harmoni dalam mencapai visi dan misi Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

7.0 |

Pematuhan Terhadap Peraturan

Setiap WARGA UTHM hendaklah berusaha bersungguh-sungguh untuk mematuhi undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasakan melalui:

- i. Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971
- ii. Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000
- iii. Kaedah, Peraturan dan Pekeliling Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

8.0 |

Risiko Ketidakpatuhan

Ketidakpatuhan kepada Kod Etika Universiti Tun Hussein Onn Malaysia boleh mengakibatkan risiko-risiko berikut:

1. Tindakan perundangan dikenakan.
2. Reputasi dan imej Universiti terjejas.
3. Kos pengurusan meningkat dan kerugian peluang (opportunity loss).
4. Kualiti program akademik Universiti terjejas.
5. Persekitaran kerja yang toksik menjejaskan kesejahteraan emosi.
6. Tanggungjawab Universiti kepada masyarakat dan industri tidak dapat dipenuhi.
7. Kemusnahan dan kerosakan kepada harta benda alam sekitar.

BAHAGIAN 2

**Panduan Berpakaian
dan Penampilan Staf**

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

1.0 |

Latar Belakang

Panduan Berpakaian dan Penampilan Staf UTHM diwujudkan dalam usaha membentuk imej staf UTHM yang profesional serta menepati imej korporat, berlandaskan kepada amalan baik sektor awam. Panduan ini merupakan kompilasi beberapa pekeliling sedia ada berkaitan etika dan tatacara pemakaian ke pejabat / tugas rasmi bertujuan meningkatkan pemahaman dan pematuhan kod etika berpakaian dan penampilan staf agar selari dengan visi dan misi Universiti.

Objektif utama penetapan Panduan Berpakaian dan Penampilan Staf :

1. Sumber rujukan utama staf UTHM sebagai panduan berpakaian dan penampilan diri staf ke pejabat.
2. Membentuk konsistensi dalam jenis pakaian dan penampilan setiap staf UTHM ketika menjalankan tugas rasmi, ketika berada di pejabat atau berurusan di luar pejabat mewakili diri dan imej organisasi.
3. Hasil terjemahan kepada arahan-arahan dan pekeliling-pekeliling mengenai tatacara dan etika berpakaian ke pejabat mengikut keadaan dan kesesuaian suasana kerja di UTHM; dan
4. Membentuk budaya keterampilan staf UTHM yang kemas, profesional dan beretika bagi meningkatkan keyakinan dan persepsi yang positif terhadap imej penampilan yang ditonjolkan.

2.0 | Etika Berpakaian Dan Penampilan Ke Pejabat

Kad Matrik Staf

Semua staf adalah **DIWAJIBKAN** untuk memakai dan mempamerkan kad matrik staf sepanjang waktu bekerja sebagai identiti pengenalan staf UTHM.



LELAKI

Lounge Suit

Gabungan 2-piece suit yang terdiri daripada kot dan seluar panjang. Sut perlu dipadankan dengan kemeja lengan panjang dan tali leher.

Seluar dan kot mestilah sepadan dari segi warna dan jenis bahan bagi pakaian formal untuk acara rasmi universiti dan kelonggaran warna dan jenis bahan yang tidak sepadan bagi pakaian semi formal untuk aktiviti tidak rasmi/harian di pejabat.



LELAKI

Kemeja

- Boleh memakai kemeja berlengan panjang atau pendek. Jika memakai kemeja berlengan panjang, hendaklah sentiasa dibutangkan atau memakai cufflink. Jika memakai kemeja berlengan pendek, pemakaian tali leher adalah tidak digalakkan.
- Kemeja hendaklah dimasukkan ke dalam (tuck-in) dan lengan tidak boleh dilipatkan.
- Pilihan warna dan corak yang digalakkan adalah warna pastel.
- Kemeja berjalur hendaklah dipadankan dengan tali leher tanpa corak atau sebaliknya.
- Sekiranya kemeja mempunyai butang kolar, kolar harus dibutangkan.



LELAKI

Tali Leher

Ikatan tali leher yang sesuai adalah simpul tiga. Kedudukan pin tali leher adalah di bahagian tengah saku baju. Jika memakai lounge suit, tempat pin yang sesuai ialah searas atas saku baju. Jika mengenakan sapu tangan saku, tali leher hendaklah dipadankan dengan warna yang sama. Hujung kepala tali leher seeloknya mencecah kepala tali pinggang. (Digalakkan memakai pin dan Tali Leher Universiti bagi urusan rasmi universiti)

LELAKI

Pakaian Tradisional Baju Melayu

Baju Melayu Teluk Belanga (sepersalinan), bersamping berdagang luar, bersongkok dan bersepatu. Baju Melayu tidak dibenarkan dipakai bersama seluar yang berbeza warna atau jenis bahan. Pemakaian selipar / capal bersama baju melayu adalah tidak dibenarkan.



WANITA

Lounge Suit

Gabungan 2-piece suit yang terdiri daripada kot dan seluar panjang / skirt di bawah paras lutut / labuh. Sut perlu dipadankan dengan kemeja lengan panjang. Seluar / skirt dan kot mestilah sepadan dari segi warna dan jenis bahan bagi pakaian formal untuk acara rasmi universiti dan kelonggaran warna dan jenis bahan yang tidak sepadan bagi pakaian semi formal untuk aktiviti tidak rasmi/harian di pejabat. Pilihan warna sut yang digalakkan adalah warna hitam, biru gelap dan kelabu.



WANITA

Pakaian Kebangsaan

Pakaian Kebangsaan hendaklah dipakai mengikut keselesaan kelabuhan yang bersesuaian. Fesyen pakaian kebangsaan tidak menjolok mata (iaitu tidak jarang, nipis, singkat atau terlalu ketat dan di bawah paras lutut. Pakaian ini hendaklah dipakai secara lengkap, sopan dan bersesuaian untuk menjalankan tugas rasmi.



Baju Batik

Baju Batik boleh dipakai ke pejabat dan semasa menghadiri majlis rasmi mengikut kod berpakaian yang ditetapkan penganjur. Batik yang dipakai hendaklah bermotifkan batik Malaysia dan bercirikan fesyen tradisional. Digalakkan membawa baju batik semasa menghadiri urusan rasmi di luar negara dan memakainya semasa berada di dalam majlis yang bersesuaian bagi melambangkan identiti dan imej Malaysia.



Baju Korporat

- Baju Korporat hendaklah dipakai pada hari yang ditetapkan dan dipadankan dengan seluar panjang atau skirt labuh.
- Baju korporat rasmi UTHM adalah baju korporat berwarna kelabu dan baju korporat ini mesti dipakai di sebarang majlis rasmi anjuran Universiti, sama ada di dalam atau di luar Universiti. Pemakaian baju korporat selain daripada baju korporat rasmi UTHM, semasa majlis rasmi anjuran Universiti adalah tidak dibenarkan.



Pakaian Seragam

Semua staf yang telah dibekalkan dengan pakaian seragam mengikut jawatan tertentu adalah **DIWAJIBKAN** untuk memakai pakaian seragam tersebut semasa bekerja.



Pemakaian Kasut

LELAKI

- Bersih dan berkilat
- Bertumit dan bertutup
- Berwarna gelap
- Kasut daripada kulit / PVC atau setara
- Sarung kaki sepadan dengan seluar atau kasut. Sarung kaki yang tidak menutup buku lali atau sarung kaki berwarna putih adalah tidak dibenarkan.



WANITA

- Bersih dan berkilat
- Bertumit dan bertutup
- Berwarna gelap
- Kasut daripada kulit / PVC atau setara
- Sarung kaki sepadan dengan warna kulit (sekiranya memakai sarung kaki).



WANITA

Pakaian Alternatif

Staf wanita adalah dibenarkan untuk memakai pakaian alternatif seperti pakaian materniti atau jubah yang sopan dan tidak menjolok mata (tidak terlalu ketat, jarang atau singkat).



Pakaian Sukan

Pemakaian pakaian sukan adalah dibenarkan mengikut kesesuaian aktiviti yang dijalankan seperti aktiviti senaman dan gotong-royong. Pakaian yang dipakai semasa bersukan hendaklah sopan dan tidak menjolok mata.



(Digalakkan memakai T-Shirt Kelab Staf UTHM jika melibatkan program atau aktiviti rasmi universiti).

3.0 |

Etika Berpakaian ke Majlis Diraja Johor

Berikut adalah Etika Berpakaian bagi menghadiri majlis-majlis dengan keberangkatan DYMM Sultan Johor atau Kerabat DiRaja Johor.

1. Majlis Rasmi atau Sesi Menghadap

- **LELAKI** : *Lounge Suit* hitam, bersongkok dan memakai kasut serta sarung kaki berwarna hitam.
- **WANITA** : Baju kurung berleher teluk belanga (Baju Kurung Johor), bertudung / berselendang. Pemakaian baju sedondon atau bercorak, serba kuning, biru atau putih adalah **TIDAK DIBENARKAN**.



2. Majlis Hol

- **LELAKI** : Baju Melayu Teluk Belanga serba hitam, dengan kain samping hitam, berdagang luar, bersongkok, dan memakai kasut serta stoking berwarna hitam.
- **WANITA** : tidak terlibat dengan Hari Hol.

3. Majlis–Majlis Keagamaan / Majlis Separa Rasmi

(Contoh : Maulidur Rasul, Perujian Tilawah Al-Quran)

- **LELAKI** : Baju Melayu Teluk Belanga (warna bebas), dengan kain samping berdagang luar, bersongkok, dan memakai kasut serta stoking berwarna hitam.
- **WANITA** : Baju kurung berleher teluk belanga (Baju Kurung Johor), bertudung / berselendang. Pemakaian baju sedondon atau bercorak, serba kuning, biru atau putih adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

4. Majlis Pemakaman DiRaja

- **LELAKI** : Baju Melayu Teluk Belanga serba putih, dengan kain samping hitam, berdagang luar, bersongkok, dan memakai kasut serta stoking berwarna hitam. Songkok hitam dililit kain putih selebar 2 inci, dan dipakai sepanjang tempoh berkabung.
- **WANITA** : Baju kurung berleher teluk belanga (Baju Kurung Johor) berwarna putih, kain batik dan bertudung putih.



5. Peringatan Umum : Semasa Menghadiri Majlis Istiadat DiRaja, dif diingatkan supaya:

- i. Tidak memakai tanda nama / kad matrik.
- ii. Tidak memakai cermin mata gelap.
- iii. Tidak mengaktifkan telefon bimbit.
- iv. Tidak merokok.
- v. Memakai songkok dan tudung di sepanjang majlis berlangsung.

4.0 |

Penampilan dan Kekemasan**LELAKI**

- Berambut pendek tidak melebihi paras bahu.
- Baju hendaklah bersih dan bergosok.
- Jika berjambang, ianya hendaklah dikemaskan dan dirapikan.

WANITA

- Memakai barang kemas dan perhiasan yang bersesuaian dan sederhana.
- Mengenakan solekan yang minimal dan tidak keterlaluan.
- Pemilihan bauan yang minimal dan sesuai dengan keadaan supaya ia tidak mengganggu pihak lain.
- Kuku yang panjang dan diwarnakan adalah tidak dibenarkan.
- Inai berukir pada tangan dan jari adalah tidak dibenarkan.

5.0 |

Pakaian Yang Tidak Dibenarkan**Pakaian yang tidak dibenarkan**

- Baju Melayu tidak lengkap iaitu tanpa sampung dan songkok.
- Pakaian santai (t-shirt, blaus bercorak, kemeja bercorak, jean).
- Seluar panjang dan blaus tanpa *blazer*.
- Berseluar *palazzo* atau berseluar *legging*.
- Baju tidak berlengan.
- Baju kebaya pendek dan jarang.
- Selipar / sandal.
- Niqab / pakaian menutup muka.
- Skirt / seluar pendek.

6.0 |

Penguatkuasaan

Ketua Pusat Tanggungjawab berperanan sebagai pihak penguatkuasa kepada peraturan ini dan boleh membuat teguran secara terus kepada mana-mana staf yang tidak mematuhi kod etika ini. Kesalahan yang dilaksanakan secara berulang boleh dikenakan tindakan Peringatan Bertulis Secara Pentadbiran sebelum dirujuk ke Unit Integriti.

BAHAGIAN 3

**Etika Berpakaian dan
Sahsiah Rupidiri Pelajar**

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

1.0 |

Latar Belakang

- Peraturan Etika Berpakaian dan Sahsiah Rupadiri Pelajar diterbitkan dan berkuat kuasa melalui kelulusan Lembaga Pengarah Universiti pada tahun 2013.
- Peraturan ini digubal sebagai panduan kepada semua pelajar tentang etika berpakaian yang perlu dipatuhi oleh pelajar semasa berada di dalam kawasan kampus.
- Penambahbaikannya telah dilaksanakan pada tahun 2023 melalui kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 1 Tahun 2023 bertarikh 12 Mac 2023, yang meliputi pindaan beberapa peraturan dan kaedah penguatkuasaan supaya selari dengan keadaan semasa bagi tujuan penguatkuasaan yang lebih efisien dan cekap.

2.0 |

Peraturan Am

Mana-mana pelajar hendaklah:

- (a) Berpakaian kemas, bersih, sopan, tidak ketat, tidak jarang, tidak menjolok mata dan berpakaian sesuai dengan amalan masyarakat Malaysia.
- (b) Mempamerkan dengan jelas Kad Matrik Pelajar semasa berada di dalam kawasan kampus kecuali semasa menghadiri atau menjalani aktiviti sukan dan riadah.
- (c) Tidak memakai pakaian atau aksesori yang melambangkan mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang menyalahi undang-undang, sama ada di dalam atau di luar Malaysia. Pakaian pelajar mestilah tidak melambangkan mana-mana simbol atau tulisan yang berbentuk provokatif dan tidak berimej lucah.
- (d) Pakaian tradisional boleh dipakai dengan syarat ia tidak melanggar peraturan universiti ; rujuk (a)
- (e) Pelajar lelaki tidak boleh menyerupai perempuan dan pelajar perempuan tidak boleh menyerupai lelaki; dan
- (f) Pelajar juga tertakluk kepada etika berpakaian khusus yang ditetapkan oleh Fakulti dan Pusat Pengajian yang berkaitan.

3.0 |**Etika Berpakaian ke Majlis Rasmi
Atau Urusan Rasmi**

- (a) Pelajar dikehendaki berpakaian kemas dan sopan mengikut etika pakaian yang ditetapkan oleh penganjur dan tidak melanggar peraturan Universiti; dan
- (b) Pemakaian jeans adalah tidak dibenarkan semasa menghadiri majlis rasmi atau urusan rasmi Universiti.

4.0 |**Etika Berpakaian Menghadiri Kuliah**

- (a) Pelajar dikehendaki berpakaian kemas, sopan dan tidak melanggar peraturan Universiti; dan
- (b) Pemakaian jeans adalah dibenarkan semasa menghadiri kuliah dengan syarat ia tidak ketat, londeh, lusuh, koyak-koyak dan bertampal-tampal.

5.0 |**Etika Berpakaian Menghadiri Makmal, Aktiviti Sukan,
Aktiviti Kebudayaan Atau Aktiviti Pelajar**

- (a) Pelajar hendaklah mematuhi etika pakaian dan peraturan yang ditetapkan dalam aktiviti tersebut.
- (b) Pelajar hendaklah memastikan pakaian yang dipakai adalah bersesuaian dan sopan serta tidak menjolok mata.
- (c) Pakaian renang hanya dibenarkan dipakai semasa melakukan aktiviti renang dan ketika berada di dalam kawasan kolam renang sahaja; dan
- (d) Pemakaian seluar legging bagi lelaki dan perempuan hanya dibenarkan untuk tujuan sukan sahaja.

6.0 |

Etika Berpakaian Khusus Untuk Pelajar Lelaki

PELAJAR LELAKI

- a) Dilarang memakai t-shirt tanpa kolar dan baju tanpa lengan semasa urusan rasmi.
- b) Digalakkan memakai pakaian ko-kurikulum atau beruniform atau korporat pada hari yang ditetapkan. Pelajar yang terlibat dengan aktiviti ko- kurikulum dan aktiviti badan beruniform adalah tertakluk kepada arahan yang ditetapkan oleh persatuan berkenaan.
- c) Digalakkan memakai baju kebangsaan pada hari yang ditetapkan bagi pelajar lelaki muslim. Bagi pelajar yang terlibat dengan aktiviti makmal, etika berpakaian adalah tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan oleh makmal berkenaan.
- d) Hendaklah memakai kasut yang bertutup dan berstoking. Selipar dan sandal dilarang sama sekali semasa menghadiri kuliah, ujian, peperiksaan akhir, perpustakaan dan ketika berurusan rasmi di Universiti. Pengecualian pemakaian selipar dan sandal hanya semasa pelajar sakit.
- e) Dilarang mencacah atau mempamerkan tatu pada mana-mana bahagian anggota badan.
- f) Dilarang berambut panjang (mencecah kolar baju, menutup telinga dan mencecah kening), berekor, berwarna dan berfesyen rambut yang tidak kemas.
- g) Dilarang sama sekali memakai gelang, rantai, anting-anting atau apa- apa aksesori perhiasan diri kecuali untuk tujuan keagamaan; dan
- h) Sekiranya berjambang atau berjanggut hendaklah memastikan jambang dan janggut tersebut sentiasa dijaga dengan kemas dan rapi.

7.0 |

Etika Berpakaian Khusus Untuk Pelajar Perempuan**PELAJAR PEREMPUAN**

- a) Digalakkan memakai baju kurung pada setiap hari. Bagi pelajar yang terlibat dengan aktiviti makmal, etika berpakaian adalah tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan oleh makmal berkenaan.
- b) Digalakkan memakai pakaian ko-kurikulum atau beruniform atau korporat pada hari yang ditetapkan. Pelajar yang terlibat dengan aktiviti ko-kurikulum dan aktiviti badan beruniform adalah tertakluk kepada arahan yang ditetapkan oleh persatuan berkenaan.
- c) Hendaklah memakai pakaian yang bersesuaian dengan aktiviti yang dijalankan dan memastikan pakaian yang dipakai tersebut adalah sopan, kemas, tidak ketat, tidak jarang dan tidak menjolok mata serta tidak mendedahkan mana-mana bahagian dari tubuh, bahagian dada dan bahagian belakang.
- d) Sekiranya memakai kain atau skirt hendaklah dipastikan kain atau skirt tersebut melepasi lutut. Pemakaian skirt mini, atau skirt yang berbelah dan ketat adalah dilarang sama sekali.
- e) Dilarang memakai seluar yang ketat, londeh dan singkat. Panjang seluar hendaklah sehingga melepasi buku lali.
- f) Dibenarkan memakai pakaian yang menutup muka kecuali semasa proses pengecaman identiti, peperiksaan dan sebagainya.
- g) Tidak dibenarkan mewarna rambut dengan warna yang menyerlah.
- h) Perempuan hanya dibenarkan melakukan satu tindikan sahaja. Hanya dibenarkan memakai sepasang anting-anting untuk perempuan.
- i) Tidak dibenarkan mewarna kuku kecuali atas faktor kesihatan dan kekemasan diri sahaja.
- j) Hendaklah memakai kasut yang bertutup. Selipar dan sandal dilarang sama sekali semasa menghadiri kuliah, ujian, peperiksaan akhir, perpustakaan dan berurusan rasmi di Universiti. Pengecualian pemakaian selipar dan sandal adalah hanya semasa melakukan urusan tidak rasmi; dan

- k) Dilarang mencacah atau mempamerkan tatu pada mana-mana bahagian anggota badan kecuali untuk keagamaan sahaja.

8.0 |

Penguatkuasaan Peraturan

Semua staf Universiti boleh berperanan sebagai pihak penguatkuasa kepada peraturan ini dan boleh membuat teguran secara terus kepada mana-mana pelajar atau melaksanakan tindakan sebagaimana yang diperuntukan di peraturan 9(a) dan 9(b)

9.0 |

Tindakan Terhadap Pelanggaran Peraturan

- (a) Mana-mana pelajar yang tidak mematuhi peraturan ini boleh dihalang daripada memasuki atau berurusan di kelas atau makmal atau pejabat yang berkenaan.
- (b) Pelajar diberi amaran untuk kesalahan kali pertama dan akan dikenakan denda sebanyak RM5.00 untuk kesalahan dan seterusnya sepanjang pengajian di Univesiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- (c) Setiap kesalahan yang dilakukan di bawah peraturan ini akan direkodkan dalam fail peribadi di Sistem Maklumat Pelajar.

Pemakaian Kod Etika

Kod Etika Universiti Tun Hussein Onn Malaysia ini hendaklah terpakai kepada semua warga UTHM merangkumi semua staf dan pelajar.

Penguatkuasaan

Sebarang ketidakpatuhan terhadap kod etika ini dan penyalahgunaan atau penyelewangan boleh dikenakan tindakan tatatertib mengikut Akta Badan-Badan Berkanun (tatatertib dan Surcaj) 2000 bagi staf dan Kaedah-Kaedah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009 bagi pelajar.

Penutup

Terima kasih kepada semua WARGA UTHM atas usaha yang bersungguh-sungguh dalam menghayati dan mengamalkan Kod Etika Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Penghargaan

Naim bin Maslan • Shereen Sabrina binti Abd Shukor • Norliah binti Yaakub • Mas Fawzi bin Mohd. Ali • Afandi bin Ahmad • Khadijah binti Md. Ariffin • Mohd. Faisalluddin bin Abdul Aziz • Nafisah binti Hamzah • Nurulisyazila binti Othaman • Shafry bin Salim • Suriayati binti Baharom • Nur Natasha binti Amer Ludin • Norfaizah binti Sai • Muhammad Nazmi bin Satari • Mohd. Iqbal bin Zainal Abidin .
Norjuliafiza binti Jumali • Siti Fazlina binti Aidid

Rosli bin Omar • Nafarizal bin Nayan • Norzila binti Othman • Nik Hisyamudin bin Muhd Nor • Shazarel bin Shamsudin • Mohammad Kamil bin Abdullah • Aminah binti Abdul Rahman • Haszrinaz binti Husain @ Hashim • Khairuddin bin Alias • Eaddy bin Zainal Abidin • Mohd Lotfi bin Solihan • Wahid bin Razzaly • Asri bin Selamat • Rosziati binti Ibrahim • Yusri bin Yusof • Muhammad Nur Afiq bin Johari • Zuhaila Anida binti Zainal Abidin • Syahinaz binti Arsad • Tan Lai Wai • Noor Azah binti Samsudin • Alhana binti Anuar • Maizatul Fahimah binti Miskan • Halimi binti Mohd Khalid • Sam Faheeda binti Abdul Samad • Juzaimi bin Nasuredin • Mohd Norihan bin Ibrahim @ Tamrin • Mohammad Zamri bin Ahmad • Noor Farhanah binti Mohamad Amin • Aspalaila binti Abdullah • Muhammad Khairullah bin Mohd Shaari • Mohamad Reeza bin Abd. Patah • Nor Suhailah binti Mohamad • Nur Asma binti Mohamad Ramli • Siti Hajar binti Abdullah Zawawi • Sharifah Liyana Marissa binti Syed Abdul Malik • Doria Islamiah binti Rosli • Khalid bin Isa • Norhaslini binti Abd Alim • Jaiganesh A/L Jaganathan • Zainuddin bin Mohd Noh • Azeyana binti Satar • Nur Fatin Ainina binti Nor Azman • Herni Zalina binti Mustapha • Dayang Norhasimah binti Awang Draman • Azlila binti Mohd. Basri • Noraidah binti Jamarly

Senarai Rujukan

1. Perlembagaan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
2. Pelan Strategik UTHM 2021-2025
3. Kod Etika Universiti Tun Hussein Onn Malaysia 2008
4. ETOS Perkhidmatan Awam, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), 2012
5. Etika Perkhidmatan Awam, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)
6. Kod Etika Berpakaian dan Penampilan Staf Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
7. Etika Berpakaian Dan Sahsiah Rupadiri Pelajar



Global Technopreneur University 2030

Diperbitkan oleh:
BAHAGIAN PENGURUSAN ORGANISASI, PEKABAT PENDAFTR
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor Darul Ta'zim, Malaysia